

Musa khuatir gadis jadi wanita plastik

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Musa Hitam bimbang, kaum wanita khususnya gadis-gadis belasan tahun yang berhijrah dari desa ke kota, akan dicap sebagai 'wanita plastik' kerana tidak mampu mengikut arus pemodenan di bandar.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, mereka akan mudah terperangkap dan terpinga-pinga tanpa haluan kerana unsur-unsur kebudayaan dan sosio-budaya di bandar berbeda dengan di desa yang mereka lalui sebelum ini.

"Saya bimbang golongan wanita itu akan hanya mempunyai tubuh badan tetapi tidak mempunyai roh dan tidak terdaya menghadapi proses pemodenan."

Datuk Musa berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung Pertubuhan Perumpulan Wanita Semenanjung Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, hari ini.

Menurut beliau, implikasi penghijrahan tersebut akan menyulitkan kaum wanita sendiri kerana mereka terpaksa melalui proses penukaran pemikiran dan cara hidup secara mendadak.

"Perkara ini perlu diteliti dan diatasi dan saya harap ia tidak menjadi satu proses kejatuhan tradisi manusia," katanya.

Beliau mengesyorkan satu strategi dirangka bagi mengatasi masalah pertukaran budaya secara mendadak yang dihadapi oleh kaum wanita yang berhijrah ke kota itu.

Mengenai tugas dan peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Majlis itu telah diubahsuai supaya kegiatan-kegiatannya merangkumi aspek-aspek penting pembangunan dan peranan wanita dalam pembangunan."

Katanya, langkah itu bertujuan menentukan wanita benar-benar menikmati pembangunan jasmani

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia